

HARI MENGUNDI MERIAH...

● DARI MUKA 1

Tanjung Karang dan Sabak Bernam bila para pengundi datang beramai-ramai dengan membawa anak-anak mereka seperti berkah.

Polls Selangor membertahu, tiada kejadian di sini berlaku dan pemuangan undi dijalankan dengan lancar.

Di Kedah — pengundian berjalan lancar di negeri Jelapang Padi ini kerana dua parti terbesar BN-PAS bersaing hebat antara satu dengan lain.

Meskipun pengundian dijalankan begitu baik dan teratur tetapi masih wujudnya kempen 'black-blist' dijalankan oleh penyokong kedua parti itu.

Antara pengundi yang mengundi pagi ini ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isterinya, Datin Dr. Siti Hasmah.

Mereka berdua yang mengundi di Sekolah Kebangsaan Titi Gajah tidak dikecualikan dari berat mengundi terong yang ditentukan. Beliau dapat mengundi kira-kira jam 8.45 pagi.

Di Melaka — Ketua Menteri Melaka, Encik Mohamed Adib Haji Adam yang bertanding untuk kerusi Parlimen Alor Gajah, mengundi di Sekolah Kebangsaan Kesang Tua, Jinan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Encik Abdul Rahim Datuk Thamby Chik yang bertanding di kawasan Negeri Kelantan pula mengundi di Sekolah Kebangsaan Pekan Balak, Alor Gajah.

Tokoh pembangkang Encik Lim Kit Siang dan isterinya, Datin Esther Leong dan isterinya, Datin Esther Leong mengundi di kawasan Negeri Kelantan pula mengundi di Sekolah Kebangsaan Pekan Balak, Alor Gajah.

Saingan

Encik Lim bertanding di Kota Melaka. Persaingan hebat di negeri itu adalah antara Barisan Nasional dan Melaka.

Di Pulau Pinang — seperti negeri-negeri lain juga berjalan lancar meskipun pengundi menjadi persaingan antara DAP dan Barisan Nasional. Tiada kejadian buruk berlaku.

Antara yang membuang undi ialah Yang Dipertua Negeri, Datuk Dr. Awang Hassan dan isterinya, Datin Hajjah D. Union School Scotland Road, jam 8.00 pagi.

Manakala Ketua Menteri, Dr. Lim Chong Ee dan isterinya mengundi di Sekolah Kebangsaan Tanjung Bangah semantara Pengerusi MCA Negeri, Encik Lim Kean Siew mengundi di Sekolah Rendah Union, Burmah Road.

Bekas pemimpin AEM yang bertanding di Permatang Pauh, Encik Anwar Ibrahim mengundi di Sekolah Cherok Tokun dan calon BN Kepala Batas, Datuk Abdulah Haji Ahmad Badri pula mengundi di Sekolah Kebangsaan Permatang Bertam tepat jam 8.30 pagi.

Kenderaan

Datuk Abdullah sentiasa memberi senyuman kepada para pengundi di samping memiakan orang tua dan pengundi yang uzur mengundi dahulu.

Di Negeri Sembilan — jumlah pengundian dilaporkan lebih banyak di kawasan-kawasan bandar daripada pusat-pusat di kawasan luar bandar.

Pertandingan hangat antara Presiden MCA, Datuk Lee San Choon dan Pengerusi DAP, Dr. Chen Man Hin dikatakan pengundian di sini berjalan lancar sekali.


Dr. Chen mengundi di Sekolah Rendah Datuk Kelana, Seremban manakala penentangannya, Datuk Lee mengundi di Segamat.

Di Johor — pemuangan undi berjalan dengan lancar dan pengundi-pengundi yang tinggal diceroi rantau diberi kenderaan percuma membuang undi masing-masing.

Antara Menteri Kabinet yang mengundi ialah Datuk Mohamed Rahmat di Sekolah Agama Kampung Padir, Tampoi. Beliau seperti pengundi lain berbarisan hanya dapat



● TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam melawat pusat pemuangan undi kawasan Parlimen Damansara di Sekolah Sri Pantai, Kuala Lumpur semalam.



● KETUA Menteri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Barisan Nasional Pulau Pinang, Dr. Lim Chong Ee (kanan) berbarisan sebelum memunculkan undinya.

Negeri Trengganu.

Menteri Besar, Datuk Amar Haji Wan Mokhtar Ahmad dan calon BN Parlimen Kemaman, Encik Ismail Sa'id mengundi di Sekolah Menengah Chukai jam 9.00 pagi.

Menteri Pertanian, Datuk Haji Manan Ohman yang bertanding di kerusi Parlimen Kuala Trengganu pula mengundi di Sekolah Rendah Sultan Sulaiman dekat Kuala Trengganu.

Di Trengganu — Pengundi-pengundi yang berkerja di pejabat-pejabat hanya mengundi di sebelah petang kerana pejabat sudah ditutup jam 12.45 tengah hari.

Pengundi-pengundi di negeri ini juga lembab di waktu pagi tetapi orang ramai berduyun-duyun datang waktu petang kerana pejabat-pejabat ditutup jam 12.45 tengah hari.

Hampir 60 peratus pengundi di negeri itu keluar mengundi berikutan pertandingan hebat antara PAS-Barisan Nasional yang masing-masing mendakwa menguasai

Berperingkat

Di Sabah — pengundian dijalankan berperingkat-peringkat selama lima hari dan pada hari pertama keadaan berjalan baik dan lancar.

Sebanyak 16 pusat mengundi dibuka di negeri itu di hari pertama pemuangan undi yang dijalankan secara berperingkat-peringkat selama lima hari.

PERTANDINGAN HANGAT DI SEREMBAN ANTARA PRESIDEN MCA, DATUK LEE SAN CHOON DAN PENERGUSI DAP, DR. CHEN MAN HIN.

Pusat-pusat tersebut ialah dalam tiga kawasan pilihanraya Parlimen — Marudu, Labuk-Sugut dan Kenanga. Kebanyakan pengundi terdiri daripada

petani dan penoreka. Kawasan Parlimen Marudu mempunyai 20,686 pengundi berdaftar, Labuk-Sugut 17,280 dan Kenanga 19,755 orang.

Manakala 21 kerusi pusat mengundi akan dibuka esok di lima kawasan pilihanraya Parlimen iaitu di Marudu-Labuk — Sugut, Banded, Kenanga dan

Bertambah

Adalah dipercayai di negeri itu akan bertambah kepada 75 peratus memandangkan pertandingan sengit itu.

Di Perak — pengundi-pengundi berduyun-duyun keluar mengundi terutama di kawasan bandar. Kawasan bandar menjadi rebutan calon BN dan DAP.

Menteri Besar, Datuk Seri Haji Wan Mohamed

bin Haji Wan Teh dan isterinya, Datin Seri Hajjah Mariah Mahmud membuang undi di Ulu Kenderong, Ork' kira-kira 8.15 pagi.

Datuk Seri Haji Wan Mohamed yang bertanding bagi kawasan Dewan Negeri Keneng kemudian melawat Pusat mengundi Griek dan menemui para pekerja BN.

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Paul Leong dan isterinya, Datin Esther Leong mengundi di Sekolah Menengah Treacher Methodist kira-kira 8.15 pagi.

Di Wilayah Persekutuan — pemuangan undi berjalan lancar di mana di sebelah pagi kebanyakan pengundi-pengundi terdiri dari penja-penja dan suri rumah.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia